

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**SOALAN NO. 108**

**TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah justifikasi Kerajaan dalam mengurangkan caruman minimum berkanun majikan ke 4% untuk mereka yang berusia 60 tahun ke atas, manakala pencarum sendiri pula tidak diwajibkan mencarum.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurangan kadar caruman berkanun syer majikan untuk ahli yang mencapai umur persaraan minimum 60 tahun daripada 6% kepada 4% adalah salah satu inisiatif penggajian semula pekerja (*re-employment initiative*) selepas umur persaraan. Ia adalah insentif kepada majikan untuk menggalakkan mereka mengambil semula atau mengekalkan pekerja yang melepasi umur persaraan minimum bagi memanfaatkan kemahiran dan pengalaman pekerja berkenaan.

2. Inisiatif penggajian semula ini adalah selaras dengan konsep penuaan aktif (*active ageing*) di mana golongan ini boleh terus memainkan peranan sebagai penduduk produktif dalam tenaga kerja negara. Langkah ini tidak dilihat sebagai penghalang kepada peluang pekerjaan bagi golongan belia kerana tahap kemahiran dan pengalaman mereka berbeza. Kedua-dua golongan pekerja muda dan pekerja berusia ini saling melengkapi antara satu sama lain dan bukan pengganti langsung (*direct substitute*) dalam pekerjaan di sesebuah syarikat atau organisasi.

3. Secara amnya, perkembangan ekonomi dan teknologi akan mengubah skop dan bidang pekerjaan dan ini dijangka akan mewujudkan permintaan dan peluang pekerjaan yang baru. Pengalaman di negara-negara maju menunjukkan golongan pekerja warga emas yang aktif dan produktif sebenarnya memberi faedah kepada semua peringkat usia kerana rakyat yang sihat dan berusia dapat terus produktif dalam ekonomi dan menyumbang kepada masyarakat.

Yang di-Pertua,

4. Bagi kadar caruman syer pekerja rakyat Malaysia yang telah mencapai umur 60 tahun, kadar caruman telah diturunkan daripada 5.5% kepada 0%. Langkah ini bertujuan meningkatkan jumlah gaji dibawa pulang (*take home pay*) oleh pekerja untuk menampung keperluan kewangan dan sara hidup semasa. Walau bagaimanapun, pekerja yang berhasrat untuk terus menyimpan dengan KWSP masih boleh memilih mencarum melebihi kadar caruman berkenaan pada bila-bila masa.

5. Sebagai maklumat tambahan, penurunan kadar caruman majikan dan pekerja yang berumur 60 tahun ke atas ini telah dilaksanakan mulai Januari 2019. Berdasarkan statistik pada bulan Februari 2019, ahli aktif KWSP yang berumur di antara 60 hingga 75 tahun adalah berjumlah 285,569 orang dengan jumlah caruman sebanyak RM742 juta.

Sekian, terima kasih.